

31/03/2002

Cuepacs sokong isu asing pelajar tidak diperbesar

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyambut baik pandangan dan saranan Perdana Menteri, supaya isu pengasingan pelajar oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) tidak diperbesar kerana NUTP sudah memohon maaf.

Berikutan itu juga, Cuepacs yang sebelum ini menawarkan diri menjadi orang tengah, mengambil keputusan menyerahkan isu berkenaan supaya diselesaikan oleh NUTP secara dalaman dengan Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Agungnya, Abd Rahman Manan, berkata Cuepacs telah dimaklumkan bahawa NUTP akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pendidikan esok dan yakin isu berkenaan dapat diselesaikan secara baik, demi kepentingan sistem pendidikan dan profesion perguruan di negara ini.

Katanya, Cuepacs selaku badan induk Kesatuan Sekerja Sektor Awam bangga dengan sikap terbuka NUTP yang telah membuat kenyataan memohon maaf atas kesalahan yang berlaku.

"Ini juga selaras dengan kenyataan Perdana Menteri supaya isu ini tidak dipanjangkan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Pada masa sama tambah beliau, Cuepacs berharap semua pihak akur dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan guru besar, yang ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap Setiausaha NUTP, Datuk N Siva Subramaniam dan NUTP.

Beliau berkata, polis sendiri telah memulakan siasatan dan adalah lebih baik semua pihak yang terbabit menyerahkan sepenuhnya isu siasatan ini kepada polis kerana Cuepacs mempunyai keyakinan polis akan menyelesaikan siasatan kes berkenaan secara profesional.

Kelmarin, Dr Mahathir berharap pertikaian berhubung isu itu tidak diperbesar lagi sehingga ke mahkamah dan menasihatkan pihak terbabit supaya menyelesaikannya secara aman.

Semua pihak kata beliau, perlu menerima hakikat bahawa manusia kadang kala melakukan kesilapan dan perkara ini wajar diambil kira bagi menangani sesuatu isu berbangkit.

Sementara itu mengulas mengenai Skim Pembiayaan Kereta Kakitangan Kerajaan (Sepakat Eon), Abd Rahman berkata Cuepacs menyambut baik skim berkenaan yang akan memudahkan kakitangan awam untuk memiliki kereta sendiri yang kadang kala sukar diperoleh melalui pinjaman kenderaan Perbendaharaan.

"Perkara ini pernah dibincangkan oleh Cuepacs melalui Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Am di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 6 Julai 2001 dan ini adalah cara penyelesaian terbaik kerana permohonan pinjaman membeli kereta melalui pinjaman Perbendaharaan semakin meningkat dari semasa ke semasa oleh kakitangan awam," katanya.

Cuepacs juga katanya, berharap proses pinjaman itu dipermudahkan dan tidak perlu penjamin kerana memadailah kereta berkenaan sebagai cagaran kepada pinjaman itu.

Beliau berkata, ini dengan sendirinya akan meningkatkan pasaran kereta nasional di kalangan kakitangan kerajaan di negara ini.

(END)